

TARIKH: 27/9/23

SURAT KHABAR: Sinar Harian

MUKA SURAT: 16

16

SUARA SINAR

SINAR HARIAN • RABU 27 SEPTEMBER 2023

## Sampai bila kita perlu bergantung pekerja asing

**SETAKAT** 18 Mac lalu, Kementerian Sumber Manusia meluluskan sebanyak 1.136 juta kuota penggajian pekerja asing untuk enam sektor pekerjaan di negara ini. Enam sektor tersebut ialah pembinaan, perkhidmatan, perlادangan, pertanian, perlombongan dan pengkuarian.

Jumlah yang besar itu jelas menunjukkan kebergantungan kita kepada dunia luar masih lagi terdesak dan mungkin berada pada tahap hampir kritikal.

Sekiranya sektor pekerjaan didominasi warga asing ini diisi rakyat tempatan, pasti akan memberikan impak besar terhadap negara khususnya usaha mengurangkan kadar pengangguran.

Walaupun pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan kerajaan untuk memastikan rakyat tempatan mendapat peluang pekerjaan, tapi entah di mana silapnya enam sektor tersebut tetap tidak mendapat tempat dalam kalangan warganegara kita sendiri.

Sehingga kini, sukar untuk menggantikan buruh import kepada buruh tempatan sepenuhnya di enam sektor tersebut. Belum ada tanda-tanda Malaysia mampu mengurangkan kadar kebergantungan warga asing. Adakah kerana gaji kecil atau rakyat Malaysia sendiri ‘manja’ kerana tidak mahu melakukan kerja berat dan kotor?

Sekiranya masalah ini tidak diambil perhatian segera, dibimbangi kita akan berhadapan pelbagai masalah lain melibatkan warga asing.

Antara kesan yang sudah kita nampak sekarang ialah kebanjiran warga asing di satu-satu kawasan sehingga seolah-olah wujud perkampungan baharu. Itu yang berekod, belum lagi kemasukan pendatang asing tanpa izin sampai beranak-pinak tinggal di bumi Malaysia.

Lihat di kedai-kedai makan, boleh dikatakan sebahagian besar majikan menggajikan pekerja asing, malah ada antaranya masuk ke negara ini secara haram.

Negara juga terdedah dengan kegiatan jenayah dilakukan warga asing sehingga kita sebagai penduduk asal pula takut kepada mereka.

Sistem ekonomi negara juga terkesan kerana penggunaan pekerja asing ini menyebabkan pengaliran wang keluar negara setiap tahun mencecah hampir RM34 bilion.

Jadi, sampai bila kita harus tunggu dan terus mengambil sikap berlembut terhadap perkara tersebut.

Sudah sampai masanya kerajaan mencari solusi agar negara tidak lagi bergantung kepada tenaga buruh luar lagi pada masa akan datang.